


# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

16 OGOS 2016  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	JOHOR HALAL PARK MULA DINTAI PELABUR	2



# SINAR HARIAN

SH 16/8/2016

## Johor Halal Park mula dintai pelabur



Mohd Noor (tiga, kiri) bersama pengamal media pada sesi santai di Restoran Selasih Seri Gelam di sini.

**JOHOR BAHRU** – Johor Halal Park (JHP) yang akan dibina di Cahaya Baru Pasir Gudang, di sini mula dintai pelabur dari luar negara.

Projek bersama antara UMLand dan kerajaan negeri Johor melalui J-Biotech Holdings itu atas tanah seluas 350 ekar di Pasir Gudang itu dibangunkan dalam tiga fasa dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM1.5 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif JHP Mohd Noor Abdul Salam berkata, sebuah syarikat pengeluar coklat premium dari Amerika Syarikat, dijangka melabur sebanyak RM10 juta untuk membina kilang pengeluarannya di sini.

Beliau berkata, JHP bakal menjadi platform kebolehpasaran pembangunan indu-

stri halal antarabangsa apabila beberapa syarikat asing dari Singapura, Korea Selatan dan Jepun berminat untuk melabur.

"Syarikat Chocolat Moderne New York yang berpangkalan di New York itu, bakal membina kilang seluas 5,500 kaki persegi di JHP.

"Syarikat itu telah menyatakan hasratnya mahu membina kilang di JHP kerana tertarik bila mendengar insentif yang bakal mereka terima jika melabur di sini selain dari potensi pasaran halal yang boleh mereka teroka," katanya ketika majlis santai bersama media, di sini.

Mohd Noor berkata pelaburan tersebut meliputi kos pembelian tanah, pembinaan kilang dan lain-lain lagi selain jenama terkenal pembuatan coklat itu turut menyata-

kan hasrat untuk memasarkan produk mereka ke pasaran Timur Tengah.

Katanya, Fasa pertama projek berkeluasan 50 ekar yang akan menyediakan 89 unit industri, 36 unit pejabat, makmal, pusat sehenti dan pelbagai kemudahan bertaraf antarabangsa itu, dijangka siap hujung tahun ini.

JHP di koridor selatan Malaysia ini dijangka akan memberi manfaat kepada rakyat negeri Johor terutamanya dari segi peluang pekerjaan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi selain membuka peluang kepada perusahaan kecil dan segerhana (PKS) sehingga kepada syarikat-syarikat konglomerat dalam sektor makanan khususnya meneruskan kelangsungan perniagaan.

